



Bilangan usahawan peladang

**10,000**

Sasaran 2010

**6,221**

Pencapaian 2007 (setakat Ogos 2007)

**162,463**

Tanaman buah-buahan

## FAKTA

- Bilangan pengusaha: 477,832
- Pecahan Aktiviti:
- Tanaman: 80.3 %
- Ternakan: 9.0 %
- Perikanan: 7.5 %
- Perkhidmatan Pertanian: 3.2%

Bilangan pengusaha pertanian mengikut komoditi tanaman

- Tanaman padi: 155,961
- Tanaman buah-buahan: 162,463
- Tanaman sayur-sayuran: 40,950
- Tanaman kontan: 13,755
- Tanaman kelapa: 12,057
- Tanaman herba dan rempah: 4,682
- Tanaman bunga: 384

Ternakan

- Lembu pedaging: 12,247
- Kerbau: 1,366
- Kambing: 3,044
- Bebiri: 1,137
- Ayam kampung: 20,209
- Ayam pedaging: 1,703
- Ayam penelur: 387
- Itik pedaging: 2,233
- Itik penelur: 1,338



Bilangan usahawan nelayan

**200**

Sasaran 2010

**57**

Pencapaian 2007

# Era baru pertanian

## Penggerak utama ekonomi rakyat, pengeluar ag

BH 10/2/08 m/s 6

4 tahun berlalu

Oleh Azran Jaffar

**P**ERUNTUKAN RM11.4 bilion yang disediakan bagi memperkasakan bidang pertanian untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) memperlihatkan komitmen kerajaan untuk menjadikan sektor ini berdaya maju, sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

Penekanan terhadap sektor ini bukan sekadar menjadikan Malaysia stabil dari segi *food security*, tetapi yang penting meningkatkan pendapatan golongan itu.

Beberapa kejayaan dicapai hasil strategi yang dilaksanakan sebagai contoh di Selangor, Selangor Fruit Valley hari ini adalah pengeluar buah-buahan tropika terbesar dunia seperti belimbing, betik dan pisang.

Begitu juga dengan sawah padi di Selangor yang diurus secara estet dengan kaedah pengairan serta penanaman moden, berjaya mengeluarkan hasil purata sehektar tertinggi di negara ini iaitu lebih 7 tan sehektar.

Seperti digariskan dalam Dasar Pertanian Negara ke-3, pertanian adalah sektor yang ditransformasikan untuk menjadi sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing bagi membolehkannya menjadi antara penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara seterusnya menjadi pengeluar agro makanan dunia.

Makanan adalah keperluan asas dan perlu dipastikan sentiasa mencukupi dan negara tidak boleh terlalu bergantung kepada import semata-mata sedangkan ia boleh dihasilkan sendiri. Untuk itu kerajaan melihat mentaliti subsidi perlu diubah kepada mentaliti peluang.

Bagi menjayakannya, kerajaan mahu petani mengamalkan pemikiran baru yang dicapai menerusi pertanian moden dan petani tidak lagi menjadi golongan yang hidup dalam kemiskinan sebaliknya berupaya meningkatkan taraf hidup.

Pertanian adalah sumber kekayaan dan kemewahan yang dapat menjamin masa depan. Bagaimanapun, untuk maju pertanian juga perlu dilihat dari sudut penggunaan teknologi terkini, di samping kaedah baru seperti bioteknologi bagi meningkatkan produktiviti.

Fokus besar yang diberikan kerajaan terhadap sektor pertanian me-



JANA PENDAPATAN: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bersama petani di Stesen Mardi Pontian.

nyaksikan antara 2004 hingga 2007 hasil keluaran beberapa produk pertanian utama meningkat. Keluaran kelapa sawit dan getah umpamanya, bagi sepanjang tempoh berkenaan meningkat 40 peratus.

Pengeluaran padi, buah-buahan dan sayur-sayuran antara 2004 hingga 2006 meningkat 52 peratus, walaupun jumlah kawasan tanaman bagi hasil pertanian menurun.


Dalam tempoh itu juga pengeluaran hasil ternakan meningkat 25 peratus, manakala pertumbuhan sektor perikanan pula sebanyak 14 peratus.

Eksport bagi komoditi pertanian yang meliputi kelapa sawit, getah dan balak pula meningkat daripada RM55.3 bilion pada 2003 kepada RM63.2 bilion pada 2007.

Pertumbuhan yang dicatatkan ini, sekali gus memperlihatkan pening-

# anlian negara

## , pengeluar agro makanan dunia



Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin memetik nanas Maspine

lam tempoh itu juga pengeluar hasil ternakan meningkat 25 peratus, manakala pertumbuhan sektor pertanian pula sebanyak 14 peratus. Eksport bagi komoditi pertanian meliputi kelapa sawit, getah dan kakao pula meningkat daripada

katan dalam pendapatan peserta pertanian dan asas tani kerana inilah hasrat kerajaan apabila memberi tumpuan kepada bidang itu iaitu memastikan petani memperoleh pendapatan yang baik.

Pada 2006 kerajaan melancarkan

dagangan Bahan Makanan Negara daripada RM5 bilion setahun kepada lebih RM1.2 bilion menjelang 2010.

Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenal pasti 13 jenis sayur-sayuran dan 11 jenis buah-buahan yang boleh ditanam bagi mengurangkan import, di samping meningkatkan eksport.

Tiga belas sayur-sayuran itu ialah cili, timun, kacang buncis, bendi, kacang panjang, tomato, kubis, sawi, halia, keledek, ubi kayu dan jagung manis sementara 11 jenis buah-buahan pula adalah betik, jambu batu, belimbing, tembikai, nanas, nangka, limau, mangga termasuk pisang, durian dan rambutan.

Tanaman ini adalah jenis yang mudah ditanam penduduk di sekitar rumah atau di kawasan kosong. Buah belimbing, nangka dan nanas mempunyai potensi pasaran eksport ke negara Eropah, manakala betik dan tembikai sudah dieksport ke China.

Bagi aktiviti memelihara ikan pula, tumpuan Kempen Buku Hijau adalah kepada ternakan ikan dalam kolam dan sangkar serta kolam kanvas. Di bawah pendekatan ini, sangkar dan kolam yang terbiar dipulihkan.

Kegiatan ternakan dalam kolam kanvas pula, sesuai dilaksanakan kerana ia tidak mencemarkan bau dan juga mampu memberi keceriaan kepada kawasan rumah dengan memasukkan elemen landskap dan tidak membabitkan kos permulaan yang tinggi.

Pendekatan ketiga ialah menerusi ternakan ikan dalam sawah terbiar dan estet ikan.

Bagi ternakan pula, kempen ini bertumpu kepada ternakan ayam kampung memandangkan aktiviti ini mudah dilaksana dan sudah lama diusahakan di kalangan penduduk khususnya yang tinggal di kawasan kampung dan luar bandar.

Fokus terhadap bidang pertanian dan industri asas tani diteruskan menerusi kewujudan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECER).

Wilayah Ekonomi ini dilihat dapat menarik pelaburan sektor swasta dalam memajukan bidang pertanian, yang mana menjelang 2012 dijangkakan eksport pertanian NCER akan meningkat kepada RM48 bilion berbanding RM22 bilion pada masa ini.

FAKTA

2008

# RM1.73b

Peruntukan

- Meningkatkan keupayaan projek utama, yang memberi peningkatan impak kepada ekonomi dan peningkatan tahap serta kemampuan kualiti hidup golongan sasaran.
- Meningkatkan kerjasama antara jabatan/agensi menerusi pendekatan dan penghayatan MOA Inc,
- Pemikiran 'Pertanian Adalah Perniagaan' dihayati golongan sasaran dan warga kementerian
- Budaya perbelanjaan berhemah iaitu memastikan perbelanjaan digunakan sepenuhnya dan projek yang dihasilkan mampu mengeluarkan hasil untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan sasaran serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.
- Pemasaran yang cepat dengan Fama memberi tumpuan kepada aktiviti urus niaga pasaran domestik dan pasaran eksport dikendalikan FAMACo selain bantuan lapan Pejabat Perwakilan Pertanian di luar negara iaitu di Rome, The Hague, Beijing, Tokyo, Bangkok, Sydney, Dubai serta Washington DC.
- Kredit dan pembiayaan termasuk bantuan dan pinjaman menerusi pengkorporatan Bank Pertanian Malaysia (BPM), Dana Nelayan.
- Pengukuhan pembangunan mega modal insan, iaitu mengukuhkan institusi untuk bergiat dalam bentuk koperasi, sebanyak 274 PPK dengan ahli 717,340 orang dan 87 PNK dengan keahlian 70,548 orang menjadikan jumlahnya kepada 787,888 ahli.
- Penyebar luasan teknologi dan keperluan meningkatkan kemahiran diri kakitangan yang perlu diajar



Perikanan Akuakultur

**7,387**


Air Tawar/Air Payau

**435**

Rumpai Laut

**27,958**

Penangkap ikan



Bilangan usahawan penternak

**2,000**

Sasaran 2010

**1,884**

Pencapaian 2007

modal insan kerana berdasarkan pelan pembangunan sektor agro makanan yang dirangka, 111,335 pekerja mahir dalam industri pertanian diperlukan.

- Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing serta kecekapan sektor ini.
- Mempertingkatkan mekaniisma dan automasi Ladang Nasional, termasuk penggunaan dan pemilihan jentera kerana penggunaannya masih rendah.
- Sumber pertumbuhan baru dalam sektor pertanian seperti ikan hiasan, rumpai laut, florikultur, herba, rempah ratus, roselle, cendawan, madu lebah dan kenaf. Sebanyak RM1.5 juta disediakan Jabatan Pertanian bagi pembangunan industri florikultur dan komoditi berpotensi.